Zaleha dijangka tentang Aishah Ghani

Keputusannya disampaikan kepada para penyokongnya di seluruh negara

Oleh JAMALUDIN HJ ABU BAKAR

● Datin Paduka Aishah Ghani

● Datin Paduka Zaleha

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datin Paduka Zaleha Ismail dijangka menentang Datin Paduka Aishah Ghani untuk merebut jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, di Perhimpunan Agung parti September ini.

Sumber-sumber yang rapat dengan Datin Paduka Zaleha memberitahu, keputusan tersebut telah disampaikannya kepada penyokong-penyokongnya di seluruh negara.

Dengan keputusan Datin Paduka Zaleha itu, bermakna empat orang akan bertanding merebut jawatan tersebut. Dua lagi ialah Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz dan Puan Marina Yusof.

Datin Paduka Rafidah difahamkan tetap dengan pendiriannya bahawa jika Datin Paduka Aishah ditentang, beliau akan turut serta bertanding. Manakala Puan Marina pula akan hanya bertanding jika lebih dari satu pertiga dari 114 Bahagian Wanita, mencalonkannya.

Datin Paduka Zaleha memutuskan untuk bertanding memandangkan perlunya diubah kepimpinan dan cara perjuangan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia supaya mengikuti perkembangan zaman.

Beliau yang juga Pengerusi NACIWD berpendapat dengan cara kepimpinan baru sahaja perjuangan Wanita UMNO akan lebih berkesan dan dihormati.

Datin Paduka Aishah telah memimpin Wanita UMNO pada tahun 1972 setelah mengalahkan Tan Sri Fatimah Hashim.

Sementara itu, untuk jawatan Naib Ketua Wanita pula, Datin Paduka Rafidah juga dicalonkan di samping nama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Syarifah Dora dan Timbalan Menteri Penerangan, Puan Rahmah Othman.

Puan Rahmah dijangka bertanding merebut jawatan tersebut.

Difahamkan, jika Datin Paduka Rafidah bertanding merebut jawatan Ketua Wanita, maka peluang Puan Rahmah memenangi Naib Ketua, tidaklah susah.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia